



"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : KPM.NKRA.100-15/1/1JLD.4(17)
Tarikh : 7 Jun 2011

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri
Seperti di Lampiran A

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PENGGUNAAN MODUL SISTEM ANALISIS PEPERIKSAAN SEKOLAH (SAPS) DALAM TOOLKIT PEMBANGUNAN SEKOLAH (SIT) BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN SEKOLAH DI BAWAH BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) PENDIDIKAN

Adalah dimaklumkan bahawa dalam Mesyuarat Delivery Taskforce NKRA Pendidikan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 25 April 2011 telah memutuskan bahawa Toolkit Pembangunan Sekolah (SIT) dibuat penambahbaikan dengan memperkenalkan modul Sistem Analisis Peperiksaan untuk memantapkan sistem ini sebagai *One-stop Data Center* yang digunapakai di seluruh negara.

2. Surat siaran ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memberi makluman mengenai pelaksanaan penggunaan modul SAPS kepada semua sekolah sebagai pelengkap kepada SIT untuk digunapakai oleh semua peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi memastikan pelaksanaan modul SAPS ini dapat mencapai matlamat yang dihasratkan, semua pihak yang berkaitan adalah diminta memastikan bahawa perkara-perkara berikut dipatuhi :

- 2.1 pegawai di JPN dan PPD perlu memastikan setiap sekolah **AKUR** dengan penggunaan modul SAPS ini yang akan digunapakai sebagai **SISTEM ANALISIS PRESTASI MURID YANG UTAMA**;
- 2.2 semua guru mata pelajaran dan guru kelas **WAJIB** mengisi markah ujian bulanan dan ujian akhir tahun (termasuk Ujian Percubaan) ke dalam sistem secara atas talian mengikut tempoh-tempoh masa yang ditetapkan; dan
- 2.3 Setiausaha Peperiksaan setiap sekolah perlu **MENGESAHKAN** semua markah ujian untuk setiap kelas dan menganalisis markah-markah tersebut bagi tujuan perancangan pembangunan prestasi sekolah.


3. Bersama-sama Surat Siaran ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan modul SAPS seperti di Lampiran A.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada semua pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DR. HAJI ZAHRI BIN AZIZ)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan

s.k

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. YB Dr Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan -timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia

LAMPIRAN A

1. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Johor
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
2. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Melaka
Jalan Istana, Peti Surat No. 62
75902 Melaka
3. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
Karung Berkunci No. 6
70990 Seremban
Negeri Sembilan
4. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
5. Pengarah Pelajaran
Jabatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Duta, Off Jalan Duta
50604 Kuala Lumpur
6. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
7. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
Pahang Darul Makmur
8. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05604 Alor Setar
Kedah Darul Aman
9. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Kelantan
Jalan Doktor
15000 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

10. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
11. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 Kangar
Perlis
12. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang
13. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Sarawak
Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga
93604 Kuching
Sarawak
14. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Sabah
Tingkat 4, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh, Peti Surat 117
88604 Kota Kinabalu
Sabah
15. Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 W.P. Labuan
16. Timbalan Pengarah
Pejabat Pelajaran Daerah Putrajaya
Jalan P16, Presint 16
62150 W.P. Putrajaya

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN MODUL SISTEM ANALISIS PEPERIKSAAN SEKOLAH (SAPS) -DALAM TOOLKIT PEMBANGUNAN SEKOLAH

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk memaklumkan tatacara pelaksanaan Program Pembangunan Sekolah dan penggunaan modul Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) dalam Toolkit Pembangunan Sekolah (SIT).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) telah mula diperkenalkan kepada semua sekolah mulai Mac 2010. SIP ini mempunyai tiga elemen utama iaitu i) ranking sekolah, ii) Toolkit Pembangunan Sekolah (SIT) dan iii) khidmat sokongan dan bantuan yang akan diberikan berdasarkan keperluan setiap sekolah.
- 2.2 SIT ialah sistem pengumpulan data yang mengandungi 4 elemen utama yang terdiri i) maklumat dan keperluan Pengetua ii) maklumat murid dan ibu bapa, serta prestasi murid berdasarkan prestasi kelas dalam peperiksaan awam, ujian dan peperiksaan dalaman, iii) maklumat asas dan prestasi guru yang diukur berdasarkan Elemen 9 dalam SKPM dan Standard Guru Malaysia (SGM); dan iv) maklumat infrastruktur sekolah. SIT merupakan satu sistem yang bersepadu yang mana data-data yang diperolehi akan dianalisis untuk membantu sekolah – sekolah meningkatkan prestasi sekolah masing-masing berdasarkan keperluan sekolah. Selain itu, maklumat ini akan digunakan bagi tujuan merancang dasar-dasar pendidikan negara.

3.0 PUNCA KUASA PENGGUNAAN MODUL SAPS

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Taskforce SIT Bil2/2010 pada 7 Oktober 2010.. yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Dasar dan Pembangunan Pendidikan telah bersetuju dan memutuskan supaya SIT ini perlu dimantapkan dengan memasukkan elemen tambahan iaitu prestasi setiap murid untuk setiap mata pelajaran, data disiplin murid dan data kokurikulum. Sehubungan itu, sebagai langkah awal, SIT telah diberi penambahbaikan dengan menggunakan modul Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) sebagai satu sistem pengurusan pentaksiran peperiksaan berasaskan sekolah secara atas talian dengan mengambilkira prestasi setiap murid untuk setiap mata pelajaran.

3.2 Penggunaan modul SAPS ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Profesional KPM pada Mac 2010 dan Mesyuarat Pengurusan Profesional KPPM pada April 2011 untuk makluman dan persetujuan semua Ketua Bahagian dan Pengarah JPN. Sehubungan itu, Mesyuarat Delivery Taskforce (DTF) NKRA pada 25 April 2011 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan bahawa Toolkit Pembangunan Sekolah (SIT) dibuat penambahbaikan dengan memperkenalkan modul Sistem Analisis Peperiksaan untuk memantapkan SIT sebagai "One-stop Data Center" yang digunapakai di seluruh negara.

4.0 TATACARA PELAKSANAAN

4.1 Peringkat Pelaksana

4.1.1 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

Setiap JPN perlu menubuhkan satu jawatankuasa kerja bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan SIP dan penggunaan modul

SAPS yang dipengerusikan oleh Pengarah Negeri atau Timbalan Pengarah Negeri.

Pada peringkat JPN, sektor yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan SIP ini ialah i) Sektor Pengurusan Akademik, atau ii) Sektor Penilaian dan Peperiksaan dan iii) Sektor ICT. Seorang pegawai perlu dilantik sebagai pegawai yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan SIP di peringkat JPN.

4.1.2 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)

Pada peringkat PPD, unit yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan SIP dan penggunaan modul SAPS ialah i) Unit Pengurusan Akademik atau ii) Unit Penilaian dan Peperiksaan dan iii) Unit ICT.

4.1.3 Sekolah

Pada peringkat sekolah Setiausaha Peperiksaan Dalaman, guru mata pelajaran dan guru kelas bertanggungjawab dalam pengisian data ke dalam modul SAPS.

4.2 **Peranan Pelaksana**

4.2.1(a) Sektor Pengurusan Akademik/ Sektor Penilaian dan Peperiksaan

- i. Memastikan semua sekolah memasukkan markah ujian/peperiksaan ke dalam modul SAPS dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- ii. Mengumpul dan menyelaraskan markah peperiksaan dalaman.
- iii. Menganalisis data daripada modul SAPS.

- iv. Menyebarluaskan data yang telah dianalisis kepada sektor-sektor lain di JPN.
- v. Bertindak sebagai pemudah cara untuk menyelesaikan masalah pengurusan penggunaan SAPS.

4.2.1(b) Sektor ICT

- i. Memastikan modul SAPS sentiasa dapat diakses oleh sekolah-sekolah di bawah JPN masing-masing.
- ii. Memastikan rangkaian di bawah tanggungjawab JPN berfungsi dengan baik.
- iii. Menyelesaikan masalah teknikal berkaitan penggunaan modul SAPS.

4.2.2 Pejabat Pelajaran Daerah

- i. Memastikan semua sekolah di PPD memasukkan markah ujian/peperiksaan ke dalam modul SAPS dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- ii. Mengumpul dan menyelaras markah peperiksaan dalaman setiap sekolah.
- iii. Menganalisis data setiap sekolah.
- iv. Memanjangkan analisis kepada Sektor Penilaian dan Peperiksaan untuk tindakan selanjutnya.
- v. Bertindak sebagai pemudah cara untuk menyelesaikan masalah pengurusan penggunaan SAPS.

4.2.3 Sekolah

4.2.3(a) Setiausaha Peperiksaan Dalaman

- i. Mengurus pendaftaran profil sekolah, guru mata pelajaran, guru kelas dan Pengetua/ Guru Besar di sekolah.
- ii. Memastikan semua guru mata pelajaran dan guru tingkatan memasukkan markah ke dalam modul saps mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- iii. Memastikan semua guru mata pelajaran dan guru tingkatan menganalisis pencapaian murid untuk setiap ujian dan peperiksaan dalaman.
- iv. Memastikan proses pengisian markah difaksanakan dengan lancar.


4.2.3(b) Guru Mata Pelajaran

- i. Menguruskan pendaftaran dan mengemaskini mata pelajaran yang diajar.
- ii. Mengisi markah bagi mata pelajaran yang diajar bagi setiap kelas.

4.2.3(c) Guru Kelas

- i. Memasukkan dan mengemaskini maklumat kelas, maklumat mata pelajaran dan data pelajar bagi kelas di bawah jagaannya.

5.0 CARTA ALIR PELAKSANAAN



6.0 PENUTUP

- 6.1 Semua sekolah perlu mengisi Modul Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) selepas setiap peperiksaan dalaman termasuk peperiksaan percubaan yang dijalankan di sekolah dijalankan. Sekiranya sekolah-sekolah tersebut tidak menjalankan peperiksaan dalaman atas sebab tertentu, maka perkara ini perlu dimaklumkan kepada PPD, JPN dan Unit NKRA di Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 6.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pengisian modul SAPS ini, maka pihak JPN/PPD/sekolah boleh menghubungi Unit NKRA melalui talian 03 – 88846000 atau secara bertulis ke alamat berikut :

Unit NKRA Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 4, Blok E8, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604, Putrajaya.
Tel : 03 – 88846000
Faks : 03 - 88721538

